ڤليتا بروني

**Pelita BRUNEI**

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"APA pun perkara jika ia disandarkan semata-mata kerana Allah, maka perkara itu amatlah suci di sisi-Nya."
- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Hijrah 1436.

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

"DAN (ingatlah) ketika Lukman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi pengajaran kepadanya : Wahai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah (Dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."
- Firman Allah dalam Surah Lukman, ayat 31.

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.18 | 3.37 | 6.26 | 7.39 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit


TAHUN 64 / BILANGAN 54 | 6 MEI 2019 / 1440 شعبان 30 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA



IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn    infodept_bn




JBP gigih wujudkan kesedaran bahaya kebakaran

Muka 7



BELI hasil tanaman tempatan

Muka 8



BUKU Panduan Sembahyang Tarawih diagihkan

Muka 9



HARGAI pelajar cemerlang

Muka 13

## Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (SPCO)

# Dilaksanakan sepenuhnya



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan Sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi.**

**Oleh : Hajah Siti Muslihat Haji Salleh, Haniza Abdul Latif**
**Foto : Masri Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 Mei. - Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang diketahui oleh rakyat dan penduduk, telahpun mula melaksanakan sepenuhnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (SPCO) pada 3 April 2019.

**Ke muka 2**

# Puasa bermula esok

**Oleh :**
**Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 Mei. - Umat Islam di Negara Brunei Darussalam akan mula berpuasa pada hari Selasa, 1 Ramadan 1440 Hijrah bersamaan 7 Mei 2019 Masihi.

Perkara tersebut telah dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman setelah bersidang dan mendapat kurnia perkenan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Persidangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) juga dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

**Ke muka 6**


E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn* Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217 Faksimile : 2381004 Layari Laman Web : *www.pelitabrunei.gov.bn*

# Undang-undang Jenayah Syariah penuh rahmat

Oleh : Hajah Siti Muslihat Haji Salleh, Haniza Abdul Latif
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa siapapun tidak perlu risau terhadap Undang-undang Jenayah Syariah, kerana ia adalah undang-undang yang penuh rahmat, yang datang daripada Pemilik dan Pengurnia rahmat.

Pada titah perutusan Sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi, baginda seterusnya menegaskan bahawa, adalah mustahil bagi Pemilik dan Pengurnia rahmat (Allah) menyuruh kita untuk memakai undang-undang bagi menzalimi manusia, sedangkan undang-undang yang disuruh itu adalah undang-undang-Nya sendiri.

"Kerana itu, sebagai misalan, selama lebih dua dekad, negara kita masih mengamalkan *de facto moratorium* iaitu penangguhan pelaksanaan hukuman mati bagi kes-kes di bawah *common law.*

Ini akan dilaratkan kepada kes-kes di bawah SPCO yang sememangnya menyediakan ruang lebih luas bagi pengampunan hukuman mati," titah baginda.

Kebawah DYMM turut memberikan jaminan bahawa dalam menegakkan komitmen dan tanggungjawab antarabangsa terhadap hak asasi manusia, Negara Brunei Darussalam akan mengesahkan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tentang Penyiksaan (U.N.C.A.T).

"Kedua-dua undang-undang, yakni *common law* dan syariah, adalah bertujuan untuk memastikan keamanan dan keharmonian negara dan moral serta kesopanan orang ramai akan selamanya terpelihara, di samping menghormati privasi setiap individu.

Maka demi niat suci melaksanakan undang-undang ini, semoga Allah akan memberkati kita dan negara di bawah payung Ramadan yang Mubarak," titah baginda dengan penuh harapan.

Terdahulu, sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan, bulan yang penuh berkat, Kebawah DYMM mengambil kesempatan mengucapkan selamat menunaikan ibadat puasa iaitu salah satu rukun ugama Islam.

Baginda turut berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga umat Islam di negara ini dikurniakan nikmat kesihatan dan keselamatan, serta dapat melakukan ibadat puasa Ramadan dalam keadaan penuh ceria dan selesa.

***"KEDUA-DUA undang-undang, yakni common law dan Syariah, adalah bertujuan untuk memastikan keamanan dan keharmonian negara dan moral serta kesopanan orang ramai akan selamanya terpelihara, di samping menghormati privasi setiap individu.***

***Maka demi niat suci melaksanakan undang-undang ini, semoga Allah akan memberkati kita dan negara di bawah payung Ramadan yang Mubarak,"***

## Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (SPCO)

# Dilaksanakan sepenuhnya

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan ini adalah tanggungjawab keugamaan kita di sisi Allah selaku sebuah negara Islam. Dalam titah perutusan Sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi, Kebawah DYMM menegaskan undang-undang berkenaan adalah semata-mata bertujuan untuk memelihara Maqasid Syar'iah yang meliputi ugama, nyawa, keturunan, harta dan akal.

Baginda menyedari terdapat bermacam-macam persoalan dan salah tanggapan berikutan dengan pelaksanaan undang-undang berkenaan dan untuk itu, kita, titah Kebawah DYMM, telah memberikan penjelasan mengenainya.

"Kita juga sedia menyedari, salah tanggapan memang boleh saja menimbulkan pelbagai kegusaran.

Namun kita juga yakin apabila salah tanggapan itu bertukar jadi kefahaman yang betul maka apa yang mulanya dianggap buruk, baru akan nampak pula kebaikannya," titah baginda seterusnya.

## Dari Sidang Pengarang.

6 MEI 2019 BERSAMAAN 1440 شعبان 30

### RAMADAN BULAN MENINGKATKAN AMAL IBADAH

**ALHAMDULILLAH,** kini kita bakal ditemukan lagi dengan bulan Ramadan Al-Mubarak yang penuh dengan rahmat, berkat dan keampunan. Pada bulan inilah umat Islam diwajibkan berpuasa. Oleh itu, sebelum menunaikan ibadah tersebut sudah setentunya dalam kalangan kita sudah membuat persiapan dengan sebaik-baiknya sama ada dari segi rohani mahupun fizikal. Pada bulan Ramadan ini juga, kita hendaklah memanfaatkannya dengan menggandakan amal ibadah dan mengamalkan cara hidup sihat. Di samping itu, kita juga mengisikan bulan tersebut dengan melakukan perkara-perkara berkebajikan.

Pada bulan Ramadan ini, selain menunaikan ibadah puasa, kita juga berpeluang untuk meningkatkan amal ibadah bagi meraih pahala yang berlipat ganda berbeza daripada bulan-bulan lain. Antara ibadah yang boleh dilakukan pada bulan ini ialah menambah amal ibadah seperti memperbanyakkan sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir, bersembahyang fardu berjemaah di masjid, qiamulail dan sebagainya.

Pada bulan penuh berakah ini, manfaatkanlah ia dengan mendalami ilmu agama khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadah puasa agar kita lebih beringat-ingat akan adab berpuasa seperti menjaga diri dari melakukan perkara-perkara yang diharamkan ketika berpuasa iaitu menjaga pandangan, pendengaran, percakapan, perbuatan yang diharamkan dan sia-sia. Selain itu, kita juga hendaklah menahan perut daripada makan makanan dan minuman yang syubhah apatah lagi haram, terutama ketika berbuka puasa.

Apabila tibanya bulan Ramadan ini juga, ramai daripada kalangan kita, tidak melepaskan peluang untuk memperbanyakkan amalan bersedekah misalnya bersedekah juadah berbuka puasa kepada kaum keluarga, jiran tetangga dan ada juga yang bersedekah juadah berbuka di masjid-masjid, di mana lazimnya orang ramai berkumpul dan seterusnya akan berbuka puasa bersama-sama.

Oleh itu, sepanjang kita menunaikan ibadah puasa ini nanti, kita hendaklah sentiasa menjaga kesihatan tubuh badan agar dapat menyempurnakan ibadah puasa dan ibadah lainnya dengan baik, lancar, khusyuk dan tawaduk. Mudah-mudahan Ramadan tahun ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan dapat melipat gandakan amal ibadah agar mendapat ganjaran dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. **- Ketua Penyuntingan (Rd)**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 33 25 °C | 34 25 °C | 34 26 °C |
| PEKAN BANGAR | 33 25 °C | 34 25 °C | 33 26 °C |
| PEKAN TUTONG | 33 25 °C | 34 25 °C | 34 26 °C |
| KUALA BELAIT | 33 25 °C | 34 25 °C | 34 26 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi MEI | HARI | Hijrah SYAABAN | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | ISNIN | 30 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.18 | 3.37 | 6.26 | 7.39 |
| 7 | SELASA | 1 RAMADAN | 4.37 | 4.47 | 6.07 | 6.31 | 12.18 | 3.37 | 6.26 | 7.39 |
| 8 | RABU | 2 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.31 | 12.18 | 3.37 | 6.26 | 7.39 |
| 9 | KHAMIS | 3 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.38 | 6.26 | 7.39 |
| 10 | JUMAAT | 4 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.38 | 6.26 | 7.39 |
| 11 | SABTU | 5 | 4.35 | 4.45 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.38 | 6.26 | 7.39 |
| 12 | AHAD | 6 | 4.35 | 4.45 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.38 | 6.27 | 7.40 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN
AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Berkenan menerima mengadap





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan, Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Jepun, Tuan Yang Terutama Keiichi Ishi.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Masri Osman,**
**Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan, Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik; dan Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Jepun, Tuan Yang Terutama Keiichi Ishi.

Majlis-majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula menerima mengadap Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik.

Menyertai Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ismail bin Haji Salam; Ketua Pengarah Pendidikan, Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd. Cairul Iqbal bin Mohd. Amin; Setiausaha Sulit Kanan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berbahagia Dr. Muhammad Adli bin Musa; Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Yang Berbahagia Profesor Emiritus Ir. (Insinyur) Dr. Mohd. Azraai bin Kassim; Chairholder of Al-Ghazali of Epistemology and Civilisational Studies and Renewal / Shaikh Al-Kulliyyah, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Osman bin Bakar; dan Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM, Yang Berbahagia Dr. Rahimi bin Osman.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik dan rombongan berada di negara ini bagi lawatan kerja, yang antara lainnya bertujuan untuk membincangkan dan bertukar-tukar pandangan mengenai bidang pendidikan bersama pihak Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, termasuk perbincangan kerjasama dua hala juga meneruskan usaha-usaha berterusan dalam Joint-Working Group bagi manfaat kedua-dua buah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya menerima mengadap Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Jepun, TYT Keiichi Ishi.

Menyertai TYT Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Jepun ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato; dan Pesuruhjaya Agensi Pelancongan Jepun, Tuan Hiroshi Tabata.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Semasa Majlis Mengadap tersebut juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah daripada TYT.

TYT dan rombongan berada di negara ini bagi lawatan kerja, yang antara lainnya bertujuan untuk membincangkan dan bertukar-tukar pandangan bersama beberapa kementerian dan agensi di negara ini mengenai perkara-perkara dua hala dalam bidang promosi pelancongan dan pengangkutan.

# Perutusan tahniah kepada Raja Thailand





**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Bodindradebayavarangkun, Raja Thailand sempena dengan pertabalan baginda baru-baru ini.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Bodindradebayavarangkun, Raja Thailand sempena dengan pertabalan baginda baru-baru ini.**

Di dalam titah perutusan kepada Kebawah DYMM King Maha Vajiralongkorn Bodindradebayavarangkun, Raja Thailand, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berpuas hati di mana kedua-dua buah negara terus menikmati hubungan mesra yang sekian lama terjalin, khususnya di antara kerabat diraja Negara Brunei Darussalam dan Thailand.

Baginda berharap akan terus mempertingkatkan hubungan yang sangat bernilai ini dengan Kebawah DYMM King Maha Vajiralongkorn Bodindradebayavarangkun, dan seterusnya menzahirkan sokongan Negara Brunei Darussalam kepada Thailand sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini.

Baginda mengakhiri titah perutusan tersebut dengan merakamkan salam muhibah kepada Kebawah DYMM King Maha Vajiralongkorn Bodindradebayavarangkun dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Suthida dan semoga Kebawah DYMM berdua, kerabat diraja dan rakyat Thailand akan sentiasa berada di dalam kesihatan dan kebahagiaan yang berpanjangan.

# Brunei DPMM FC tumpaskan Home United FC

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**BERANGKAT menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.**

SINGAPORE PREMIER LEAGUE

| KEDUDUKAN | PASUKAN | P | Mt |
|---|---|---|---|
| 1 | Brunei DPMM FC | 9 | 23 |
| 2 | Hougang United FC | 8 | 15 |
| 3 | Albirex Niigata FC (S) | 8 | 14 |
| 4 | Tampines Rovers FC | 7 | 12 |
| 5 | Balestier Khalsa FC | 9 | 11 |
| 6 | Home United FC | 9 | 10 |
| 7 | Geylang International FC | 8 | 9 |
| 8 | Young Lions | 7 | 7 |
| 9 | Warriors FC | 7 | 1 |

**BERAKAS**, Sabtu, 4 Mei. - Brunei DPMM FC membuka tirai kempen Liga Perdana Singapura dalam perlawanan pertama pada pusingan kedua menentang Home United FC di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dengan keputusan perlawanan memihak kepada Brunei DPMM FC selepas berjaya mengutip mata penuh dengan kemenangan, 2 - 0.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pada separuh masa pertama, Brunei DPMM FC berjaya mendahului dan membolosi gawang lawan menerusi pemain jersi 9, Abdul Azizi Rahman pada minit ke-19.

Berikutan dengan gol pembukaan itu, pasukan pelawat terus menggandakan usaha dan mengasak Brunei DPMM FC melalui beberapa serangan balas untuk menyamakan kedudukan, namun gagal apabila Brunei DPMM FC terus bijak mengatur strategi perlawanan.

Pada babak separuh masa kedua, Brunei DPMM FC terus bangkit memberikan tentangan dan akhirnya berjaya menambah gol kedua menerusi pemain import jersi 10, Andrei Varankou pada minit ke-86.

Menerusi jaringan gol kedua itu, Andrei Varankou turut menambah gol peribadi beliau, sekali gus menjadikannya sebagai penjaring terbanyak Liga Perdana Singapura setakat ini dengan 12 gol.

Kehadiran penyokong yang penuh bersemangat turut memberikan impak kepada semangat para pemain, bila mana pada minit-minit terakhir perlawanan seorang pemain Brunei DPMM FC dilayangkan kad merah berikutan memprotes pengadil mengenai insiden kekerasan yang dilakukan oleh pemain Home United FC terhadap rakan sepasukannya.

Brunei DPMM FC diharap akan terus mengatur strategi perlawanan dan mempertingkatkan lagi mutu permainan dengan aksi mantap apabila menentang Geylang International FC pada 11 Mei nanti di gelanggang lawan.

**PEREBUTAN bola di antara pemain tengah Brunei DPMM FC, Blake Ricciuto dengan pemain Home United FC pada Perlawanan Liga Perdana Singapura (kanan).**





**PENJAGA gol Home United FC cuba menyelamatkan gawang daripada dibolosi oleh Brunei DPMM FC.**

# Menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menerima mengadap daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Matthew John Matthews di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menerima mengadap secara berasingan dua Duta Besar Istimewa dan Mutlak yang baru dilantik ke negara ini.

Mula-mula Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Matthew John Matthews yang menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 April lalu.

Sejurus selepas itu, DYTM berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki yang juga menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah DYMM pada 15 April lalu.

Dalam pada itu, DYTM bersabda mengharapkan kepada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu agar berjaya dalam melaksanakan tugas mereka membina hubungan baik yang dikongsi bersama dengan Negara Brunei Darussalam.

Majlis mengadap berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, di sini.

# Bincangkan kerjasama Brunei - Jepun





MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kiri) dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (kanan) ketika menerima kunjungan muhibah daripada Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Jepun, Tuan Yang Terutama Keiichi Ishi.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Mei. - Delegasi dari Kementerian Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Jepun, diketuai oleh Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Jepun yang kini berada di negara ini mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Jepun, Tuan Yang Terutama Keiichi Ishi mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dalam satu majlis yang berlangsung di bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), di sini.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, kedua-dua menteri bertukar-tukar pandangan dan membincangkan kerjasama dalam bidang pelancongan.

Juga hadir semasa kunjungan ringkas tersebut, Setiausaha Tetap KSSUP, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan Awang Abd. Halidi bin Mohd Salleh; dan Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Salleh.

Tuan Yang Terutama Keiichi Ishi juga mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, kedua-dua Menteri membincangkan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan sektor pengangkutan, khususnya perkhidmatan udara dan sektor maritim, termasuk peluang-peluang bagi meningkatkan kerjasama dalam perkhidmatan udara di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun.

Kedua-dua Menteri juga bertukar pendapat mengenai inisiatif latihan berterusan bagi sektor maritim serantau di bawah kerjasama pengangkutan ASEAN - Jepun.

Lawatan itu merupakan lawatan pertama bagi TYT Keiichi Ishi ke Negara Brunei Darussalam.

Delegasi akan berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam pada 5 Mei 2019.

# Puasa bermula esok

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Isham bin Jaafar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa hadir bersidang menunggu Hasil Merukyah Awal Bulan Ramadan di tempat-tempat yang telah ditentukan.**

**Dari muka 1**

Hakim-Hakim Syar'ie dan pegawai - pegawai Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, JPM bersama pegawai-pegawai dari KHEU, pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan, JPM telah berada di lima lokasi yang telah ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan Ramadan 1440 Hijrah).

Lokasi bagi merukyah anak bulan Ramadan yang telah ditentukan pada tahun ini ialah Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebuhraya Tungku, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Tanjung Batu, Pekan Muara, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Lumut, Daerah Belait dan Bukit Amboq, Daerah Tutong.

Terdahulu, sementara menunggu hasil merukyah awal bulan Ramadan, Majlis Keugamaan telah diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan KHEU.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Johan Qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1440 Hijrah / 2019 Masihi yang lalu, Awang Haji Muhammad Albi bin Haji Ibrahim dan diselajurkan dengan bacaan Sayyidul Istighfar.

Diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman dan seterusnya mengimamkan sembahyang fardu Maghrib berjemaah.

Sementara itu, Mu'azzin Maghrib dikumandangkan oleh Bilal Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba, Awang Haji Sudirman bin Haji Metussin.

Hasil Merukyah Awal Bulan Ramadan telah diumumkan secara langsung oleh Radio Televisyen Brunei.

Anak Bulan Ramadan telah tidak sabit kelihatan maka Awal Ramadan 1440 Hijrah jatuh pada Selasa, 7 Mei 2019 Masihi dan Sembahyang Tarawih dan Witir serta bertadarus Al-Quran di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara akan bermula pada malam esuk, Isnin, 1 Ramadan 1440 Hijrah bersamaan 6 Mei 2019 Masihi selepas sembahyang sunat Tarawih.



**SOLAT Fardu Maghrib berjemaah sementara Menunggu Hasil Merukyah Anak Bulan Ramadan 1440 Hijrah telah diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan Baru, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis Berakas.**

# Menara DST lokasi pencerapan Ramadan

**Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**TUNGKU**, Ahad, 5 Mei. - Penentuan bagi umat Islam di Negara Brunei Darussalam untuk memulakan ibadah puasa Ramadan 1440 Hijrah ditentukan dengan rombongan pencerapan anak bulan Ramadan yang diadakan di beberapa tempat di negara ini termasuk di Blok Menara Data Stream Technology Sendirian Berhad (DST), bagi membuat pencerapan anak bulan tersebut.

Rombongan yang ditugaskan terdiri daripada para pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Mufti Kerajaan, Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri; Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kaji Cuaca, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Hadir pada aktiviti pencerapan di sini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Terdahulu, sebelum pencerapan dimulakan beberapa taklimat ringkas telah disampaikan mengenai proses pencerapan anak bulan Ramadan yang disampaikan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Haji Sahrin bin Haji Kadih, diikuti dengan taklimat berhubung kedudukan anak bulan Ramadan daripada Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan yang disampaikan oleh Juruukur, Awang Haji Khairul Abidin bin Haji Sulaiman.

Manakala taklimat berhubung dengan ramalan cuaca disampaikan oleh Pegawai Kajicuaca, Jabatan Kajicuaca, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Hassanul Kamal bin Haji Adam.

Aktiviti pencerapan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

Sementara itu, hadir di Bukit Agok bagi merukyah anak bulan Ramadan ialah Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Mohammad Shah bin Haji Taip.

Juga hadir, Pegawai-pegawai dari Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jabatan Ukur.

Berikutan anak bulan Ramadan tidak sabit kelihatan, maka umat Islam di negara ini akan mula Sembahyang Sunat Tarawih pada malam esok di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara selepas Sembahyang Fardu Isyak.



**MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa melihat sendiri pencerapan anak bulan melalui peralatan khas.**



**JURU UKUR, Pengiran Mohd. Norhashimi bin Pengiran Haji Bungsu semasa menyampaikan taklimatnya.**

# JBP gigih wujudkan kesedaran bahaya kebakaran

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS,** Sabtu, 4 Mei. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima 182 panggilan kebakaran rumah, bangunan dan kenderaan pada tahun 2018 lalu.

Tindakan cergas anggota Bomba dan Penyelamat dan dengan bantuan orang awam dapat menyelamatkan harta benda yang bernilai dalam anggaran sejumlah BND20,792,400 berbanding dengan anggaran jumlah kerugian sebanyak BND8,738,905.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun JBP Ke-59 Tahun.

Antara punca utama kebakaran rumah, jelas Yang Berhormat lagi, ialah penggunaan elektrik yang tidak betul yang mana sepanjang tahun 2018 sebanyak 36 kes berkenaan telah dilaporkan.

"Oleh yang demikian, orang ramai adalah diingatkan supaya lebih peka tentang bahaya-bahaya kebakaran, terutamanya dalam penggunaan peralatan atau pendawaian elektrik yang selamat. Ini lebih mustahak lagi dalam keadaan cuaca panas pada masa ini. Sejak bulan Februari hingga April 2019 yang lalu sahaja, JBP telah menerima sebanyak 858 panggilan kebakaran hutan dan rumput yang telah menjejaskan lebih kurang 982 hektar hutan dan rumput di Negara Brunei Darussalam," terang Yang Berhormat lagi.

Sungguhpun JBP berjaya memadamkan kebakaran ujar Yang Berhormat lagi, namun insiden kebakaran masih boleh dikurangkan, di mana salah satunya ialah dengan mewujudkan kesedaran orang ramai tentang bahaya kebakaran yang merupakan pencegahan awal yang sangat efektif bagi mengurangkan kadar kebakaran.

Ke arah itu, Yang Berhormat Menteri menjelaskan, JBP terus berusaha dengan gigih untuk memberikan taklimat kesedaran kepada orang ramai tentang tatacara mencegah kebakaran, memadam api kecil dan tindakan-tindakan sebelum anggota bomba sampai di tempat kejadian, sebagai usaha pencegahan kebakaran.

"Pada tahun 2018, seramai 35,557 peserta daripada agensi kerajaan dan swasta menyertai pelbagai program kesedaran awam yang dikendalikan oleh JBP termasuk Lawatan dan Kursus Fire Marshal.

Latihan dan kesedaran itu memberi kesan positif, yang mana dalam beberapa kejadian kebakaran, orang ramai telah dapat mengawal atau memadamkan kebakaran kecil sebelum merebak," ujar Yang Berhormat Menteri lagi.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat seterusnya menerangkan JBP akan memperkenalkan satu lagi program yang dinamakan Kursus Life Saver 995, yang mana kursus ini melibatkan Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung di bawah kawalan Jabatan Daerah dan balai-balai bomba di kawasan-kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN).

Yang Berhormat Menteri ketika berucap seterusnya menjelaskan, JBP telah mendapati lebih 448 buah pili-pili Bomba telah rosak yang dipercayai sebahagiannya dirosakkan oleh orang-orang tertentu dan ini akan memakan perbelanjaan dianggarkan lebih BND200,000.00 untuk membaikinya.

"Sehubungan ini, kita ingin memohon kerjasama semua pihak khasnya penduduk-penduduk Mukim dan Kampung supaya sama-sama mengawasi dan memelihara alat-alat pemadam kebakaran daripada dirosakkan.

Menurut Seksyen 13 dari Perintah Keselamatan Kebakaran 2016, sesiapa yang didapati melakukan kerosakan, mengganggu dan menyalahgunakan pili bomba boleh dikenakan denda kompaun sebanyak BND5,000 dan perlu mengganti rugi perbelanjaan pembaikan dan penggantian pili bomba," tegas Yang Berhormat lagi.



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-59 Tahun.**



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika menyaksikan pameran.**

# Raikan 59 Tahun JBP

**BERAKAS,** Sabtu, 4 Mei. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) pada tahun ini genap berusia 59 tahun dengan mengekalkan visi jabatan, iaitu 'Bekerjasama dengan Masyarakat bagi Melindungi Apa yang Mereka Hargai'.

Sehubungan itu, Upacara Perbarisan Kawalan Kehormatan diadakan dan berlangsung di Padang Kawad Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Sejurus tiba, Yang Berhormat menerima tabik hormat Panglima dan memeriksa Perbarisan Kawalan Kehormatan.

Pada majlis itu, Yang Berhormat menyempurnakan Penyampaian Sijil Kursus Life Saver 995 kepada wakil Majlis Perundingan Kampung Rimba Kawasan 2, penyampaian Anugerah Balai Contoh dan Anugerah Penghargaan kepada Masyarakat Berjasa.

Sambutan tahun ini bertemakan 'Keselamatan Kebakaran Tanggungjawab Bersama' dengan tujuan untuk meningkatkan lagi aspek keselamatan, kesedaran dan bahaya kebakaran.

Dengan mengamalkan aspek tersebut diharap akan dapat mengurangkan kadar kejadian, kerugian dan kehilangan jiwa daripada berlaku.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan juga para kakitangan Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri dan Jabatan-jabatannya serta jemputan khas.



**ANTARA anggota Bomba dan Penyelamat yang menyertai Upacara Perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun JBP Ke-59 Tahun.**

# JBP buktikan kebolehan, integriti

**BERAKAS,** Sabtu, 4 Mei. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) berjaya membuktikan kebolehan dan integritinya, bukan sahaja dalam mengawal api atau kebakaran daripada merebak, tetapi juga mengawal perbelanjaannya daripada merebak dan mengakibatkan jabatan mempunyai hutang tertunggak.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menyampaikan ucapannya pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun JBP Ke-59 Tahun yang berlangsung di Padang Kawad Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

"Pencapaian yang paling membanggakan ialah tindakan JBP dalam tahun 2018 memperkemaskan urus tadbir Jabatan Bomba dan Penyelamat. Hasil dari usaha gigih memperkemas pengurusan jabatan dan selaras dengan langkah ke arah 'Fiscal Consolidation' serta mengamalkan sikap berbelanja dengan berhemah dan bijak, JBP telah mengambil langkah tegas dalam menjimatkan perbelanjaan tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatannya," jelas Yang Berhormat Menteri.

Ke arah ini, Yang Berhormat Menteri seterusnya menjelaskan, JBP telah mengatur strategi dalam tahun 2018 untuk merancang perbelanjaan dalam tiga bidang, iaitu perbelanjaan utiliti, iaitu telefon, elektrik dan air; perbelanjaan pemeliharaan landskap seperti pemotongan rumput dan pembuangan sampah; dan perbelanjaan penyewaan rumah.

Selaras dengan konsep 1 Balai 1 Bil, jelas Yang Berhormat Menteri lagi JBP dalam tahun 2018 berjaya menjimatkan peruntukan bagi ketiga-tiga tajuk ini sebanyak 79 peratus, iaitu dengan menggunakan perbelanjaan berjumlah BND702,664.78 berbanding dengan jumlah perbelanjaan sebanyak BND3,310,757.45 sebelum ini siatif ini dilaksanakan.

Yang Berhormat berharap usaha sedemikian akan dapat dicontohi oleh jabatan-jabatan lain dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Namun, Yang Berhormat menasihatkan agar JBP tidak bersikap selesa dan mudah berpuas hati dengan apa yang telah dicapai atau dilaksanakan dan menyarankan agar usaha-usaha berlanjutan juga bersistematik dan komprehensif hendaklah dipertingkatkan bagi memperkukuhkan lagi keberkesanan baik dalam tadbir urus jabatan dan balai-balai mahupun dalam menangani risiko bencana.

# Beli hasil tanaman tempatan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mei. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) sedang giat menjalankan Projek Meningkatkan Pengeluaran Tanaman Tempatan yang akan dapat meningkatkan pengeluaran hasil sayur-sayuran dan buah-buahan untuk menampung peningkatan permintaan hasil tanaman dan mengurangkan kebergantungan negara mendapatkan hasil tanaman dari luar negeri.

Ini juga adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-72, Tahun 2019 yang mana baginda bertitah : "Bagi negara yang menerima hujan dan tanah-tanah masih belum diteroka, maka tidaklah praktikal untuk terus mengimport bahan asas makanan tanpa berusaha sendiri memenuhi keperluan."

Oleh yang demikian, kerjasama daripada pasar raya, pemborong, restoran dan perkhidmatan katering untuk mendapatkan sumber bahan mentah mereka dari peladang tempatan adalah sangat dialu-alukan dalam sama-sama mendukung projek ini.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong menyatakan perkara tersebut semasa Perasmian Promosi Hasil Tanaman Tempatan bertempat di Pasaraya Sim Kim Huat (SKH), Kompleks Annajat Mata-Mata.

"Pada hemat saya, Pasaraya SKH telah mengambil langkah bijak dengan mengadakan pembelian terus hasil ladang daripada peladang tempatan yang semestinya lebih segar dan berkualiti serta dapat dijual pada harga yang berpatutan (*affordable*) kepada semua golongan masyarakat, yang mana, ini akan menggalakkan pengguna untuk memilih dan membeli sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan yang lebih terjamin dari segi kesegaran dan terhindar dari pencemaran," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, para peladang yang membekalkan hasil tanaman mereka ke Pasaraya SKH adalah mereka yang berdaftar di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP yang mendapat pemantauan secara berterusan dari Jabatan tersebut untuk memastikan ladang-ladang berkenaan mengamalkan sistem penanaman yang teratur bagi memastikan hasil tanaman yang selamat dan berkualiti.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada peladang-peladang kitani dalam sama-sama merealisasikan usaha KSSUP untuk mencapai kejayaan dalam projek yang dijalankan ini dengan memberikan kerjasama dan bersikap tolak ansur dengan Pasaraya SKH dan seterusnya memastikan tanaman yang dibekalkan menepati kehendak pasar raya dan membekalkan secara konsisten bukan sahaja untuk memberikan keyakinan kepada pasar raya, malahan juga pelanggan-pelanggan kita untuk memilih dan membeli hasil tanaman tempatan," ujar Yang Berhormat.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menyeru pasar raya-pasar raya yang lain untuk mengikuti jejak langkah yang telah dibuat oleh Pasaraya SKH tersebut, dan juga kepada peladang-peladang yang lain untuk sama-sama menyertai projek berkenaan bagi memastikan hasil tanaman dapat dibekalkan secara berterusan.

Semasa majlis perasmian tersebut, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga dibawa meninjau lebih dekat pelbagai jenis sayuran dan buah-buahan hasil daripada para peladang tempatan yang dijual di Pasaraya SKH tersebut.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak; Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Haji Abdul Halidi Bin Mohd. Salleh; serta pegawai-pegawai kanan dari KSSUP dan pihak pengurusan Pasaraya SKH.



**MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong berucap merasmikan Promosi Hasil Tanaman Tempatan bertempat di Pasaraya Sim Kim Huat (SKH).**



**MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa melawat buah-buahan yang dijual oleh pengusaha tempatan di Pasaraya Sim Kim Huat (SKH).**

# Berpotensi memenuhi pasaran antarabangsa

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mei. - Para pengusaha ladang tempatan dan pasar raya di negara ini dialu-alukan untuk menyertai inisiatif Hasil Segar dari Ladang Kitani (Fresh Local Harvest) seperti yang diusahakan oleh Pasaraya Sim Kim Huat (SKH), dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil industri tanaman tempatan, selaras dengan usaha menyeluruh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Melalui inisiatif tersebut, ia sudah setentunya akan meningkatkan lagi semangat para pengusaha tempatan untuk meningkatkan hasil pengeluaran ladang masing-masing serta kualiti hasil dan tahap pengurusan *efficiency* dan daya saing.

Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Hanifah ketika ditemui semasa Majlis Perasmian Promosi Hasil Tanaman Tempatan bertempat di Pasaraya SKH, Kompleks Annajat Mata-Mata berkata, pihak Pasaraya SKH melalui inisiatif tersebut mulai mempromosi dan memasarkan melalui rangkaian Pasaraya SKH di seluruh negara, hasil-hasil segar yang dibekalkan secara terus oleh pengusaha-pengusaha ladang anak-anak tempatan.



**PENGARAH Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Hanifah semasa di temu bual.**



**PENGARAH Urusan Ameenfarm Agrotech and Trading, Awang Haji Irwandy bin Haji Lois semasa ditemu bual.**

"Semua ini bukan sahaja untuk memenuhi keperluan pasaran domestik atau dalam negeri, akan tetapi berpotensi untuk memenuhi keperluan pasaran di luar negara dengan mencapai tahap piawaian antarabangsa," jelasnya.

Menurutnya lagi, kelebihan yang diperolehi daripada hasil ladang tempatan ialah para pembeli akan dapat menikmati sayuran atau buah yang segar dan rasanya lebih sedap daripada sayuran lain.

Ini tambahnya adalah disebabkan para peladang tersebut mengamalkan tatacara penanaman yang selamat dan merupakan amalan terbaik dengan tunjuk ajar dan nasihat pegawai-pegawai pertanian yang telah ditetapkan sebagai *account manager* iaitu pegawai pertanian yang bertanggungjawab memantau ladang yang telah ditetapkan.

"Sayuran dan buahan ini juga segar kerana ia terus berada dan berjual di pasar raya dalam tempoh 24 jam selepas ia dipetik dari ladang. Buahan tempatan akan masak secara *natural* dan semula jadi, tetapi buahan yang didatangkan dari ladang dan kebun yang jauh lazimnya dipetik sebelum masak dan sebelum musimnya berbuah dan ianya akan berada dalam perjalanan dalam tempoh agak lama dan kesegarannya sudah tentu akan terjejas," ujar beliau lagi.

KSSUP melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ujarnya sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan para pengusaha ladang, pasar raya - pasar raya ataupun mana-mana pengusaha lain yang menjalankan aktiviti ekonomi tambah nilai yang menggunakan hasil tanaman sebagai bahan input kepada proses tambah nilai.

Beliau menambah, para pembeli boleh mendapatkan hasil tanaman ladang kitani yang segar, dan lebih nyaman dengan penuh yakin tanpa sebarang kekhuatiran mengenai dengan tahap keselamatan kerana ia menggunakan tatacara penanaman yang selamat dan mematuhi kehendak piawaian yang dipantau secara dekat oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Dayang Hajah Aidah juga mengalu-alukan dan ingin melihat Hasil Segar Ladang Kitani menjadi intipati utama menu makanan sihat harian bagi setiap keluarga di negara ini, baik makan tengah hari, makan malam di rumah, mahupun sesi makan bersama keluarga di hujung minggu di restoran-restoran tempatan dan majlis-majlis keramaian.

Sementara itu, Pengarah Urusan Ameenfarm Agrotech and Trading, Awang Haji Irwandy bin Haji Lois yang merupakan antara pembekal sayuran di Pasaraya SKH menjelaskan, syarikatnya merupakan pengusaha ladang secara fertigasi dimana mereka menghasilkan pelbagai jenis sayuran antaranya timun, rock melon, lada, tomato, terung dan sebagainya.

Cabaran pasaran di negara ini ujar beliau memang sangat besar dan mencabar yang memerlukan para peladang untuk sentiasa pro-aktif dan bagi syarikat beliau sendiri, mereka memasarkan hasil ladang di pasar raya-pasar raya dan juga restoran-restoran termasuk juga pembeli di pasar-pasar borong.

Menurutnya, hasil ladang syarikatnya memang terkawal dari segi penggunaan racun dan ia adalah selamat untuk dimakan.

Beroperasi sejak tahun 2016, Syarikat Ladang Ameenfarm yang terletak di Brunei Agriculture Research Centre, Tanjong Bunut, Kilanas menggunakan kaedah fertigasi untuk menghasilkan pelbagai jenis sayur-sayuran, tomato dan buah-buahan pada ladang seluar empat hektar.

# Keluarga sakinah bentuk negara aman



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (dua, kiri) hadir bersama jemaah yang lain bagi mendengarkan Tazkirah Subuh Program 'Masjidku Ma'mur, Negara Berkat' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 Mei. - Keluarga yang sakinah, bahagia dan harmoni akan melahirkan masyarakat sejahtera dan akhirnya dapat membentuk sebuah negara yang aman dan makmur.

Dasar mengendalikan Hari Keluarga Kebangsaan dan objektif pelaksanaannya yang disambut di Negara Brunei Darussalam setiap tahun adalah bertepatan dengan saranan dan tuntutan ugama Islam.

Inti pati tersebut antara yang disebutkan dalam Tazkirah Subuh Program 'Masjidku Ma'mur, Negara Berkat' berlangsung setiap hujung minggu di Masjid Omar 'Ali Saifuddien sejurus menunaikan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah di sini.

Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu seterusnya menerangkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam turut menganjurkan agar berlaku baik kepada ahli keluarga dan mencontohi Baginda ke arah membina sebuah keluarga sakinah mawaddah warahmah.

Baginda sentiasa membantu isteri-isterinya dalam menguruskan hal ehwal rumah tangga, kerana setiap ahli keluarga memainkan peranan masing-masing, terutama ketua keluarga yang menjadi pemimpin keluarga setentunya akan dipersoalkan di hari pengadilan kelak.

Awang Haji Asminan juga menambah, Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan dimulai dengan acara yang diadakan di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara turut menandakan betapa keluarga dan masyarakat Brunei adalah umat yang beriman dan bertaqwa seperti yang digariskan di dalam Al-Quran yang menyatakan bahawa orang yang berusaha memakmurkan masjid adalah dilabel oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai orang yang beriman dan bertaqwa.

"Mereka ini seterusnya akan menjadikan Negara Brunei Darussalam sentiasa diberkati dan dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dikurniakan rezeki yang melimpah ruah," jelasnya.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

# Buku Panduan Sembahyang Tarawih diagihkan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 5 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah dan Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama sokongan Bank Islam Brunei Berhad (BIBD) mengungkayahkan penerbitan bagi ulang cetak kali keenam Buku Sembahyang Tarawih dan Kad Sayyidul Istighfar kepada beberapa buah masjid di negara ini.

Justeru itu, penerbitan dan pengagihan buku tersebut merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial KHEU dalam memberikan kemudahan kepada orang ramai termasuk para jemaah masjid untuk mendapatkan sumber rujukan yang tepat dan betul.

Halaman sebanyak 32 muka surat, buku berkenaan sebagai panduan dan tatacara mendirikan Sembahyang Sunat Tarawih dan juga Sembahyang Witir.

Hadir menyempurnakan penyampaian buku tersebut di perkarangan Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan seterusnya menyampaikan kepada wakil-wakil penerima daripada PDI dan juga masjid-masjid yang terpilih.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Badan Penasihat BIBD, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Mohd. Yusri bin Haji Wahsalfelah dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Sebelum penyerahan tersebut, Surah Al-Fatihah dibacakan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Haji Mohd. Hasnal bin Haji Mohammad yang juga memimpin Doa Selamat.

Dengan adanya buku panduan itu juga diharap dapat memberikan kemudahan membuat rujukan dan persiapan dalam menjalani ibadah puasa untuk kita memperbanyakkan amalan-amalan sunnah di bulan Ramadan Al-Mubarak yang bakal tiba nanti.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tengah) meyampaikan Buku Sembahyang Tarawih dan Kad Sayyidul Istighfar.

# Pimpin Sembahyang Sunat Tarawih dengan sempurna



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang ketika menyampaikan surat lantikan Imam Sembahyang Sunat Tarawih.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Mei. - Dalam beberapa hari sahaja lagi umat Islam akan menunaikan puasa pada bulan Ramadan, bulan yang penuh dengan keberkatan dan keistimewaan di dalamnya.

Seperti kelazimannya, umat Islam akan memperbanyakkan amal ibadat pada bulan tersebut di antaranya ialah mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih berjemaah di masjid.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) mengadakan Majlis Penyerahan Surat Lantikan Imam Sembahyang Sunat Tarawih kepada pegawai masjid dan pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Tahun 1440 Hijrah yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri menjelaskan seramai 135 imam dilantik bagi mengimamkan Sembahyang Sunat Tarawih di 176 buah masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Daerah Belait termasuk surau-surau di bawah kendalian Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

"Para imam yang dilantik agar dapat memimpin Sembahyang Sunat Tarawih dengan sempurna dan tertib, dan berkeyakinan serta berwibawa dalam memimpin jemaah di masjid-masjid," tegasnya.

Pada majlis itu, penyerahan surat lantikan Imam Sembahyang Sunat Tarawih dari kalangan pegawai masjid, pelajar dan lepasan ITQSHHB disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

# Alu-alukan Ramadan dengan Bertahlil, Doa Arwah



ANTARA yang hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon (tiga, kiri) selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**LAMBAK KANAN,** Sabtu, 4 Mei. - Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Brunei dan Muara mengadakan Majlis Bertahlil dan Doa Arwah, bertempat di pusat berkenaan, Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan Jalan 77, di sini.

Antara yang hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'; dan Ketua-ketua Kampung di kawasan sekitar mukim berkenaan; dan Pengurus PKWE, Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Emran.

Pada majlis itu, Majlis Bertahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Imam Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Awang Khirul Arifin bin Haji Yusof.

Majlis merupakan acara tahunan PKWE sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan yang mubarak tidak lama lagi.

Selain itu, majlis juga bertujuan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan Ahli PKWE, yang mana bilangan jumlah ahli berdaftar ketika ini adalah sekitar lebih 300 ahli sejak ia mula ditubuhkan pada 1 Mei 2013.

# Mini Karnival Perikanan dapat sambutan

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**MUARA,** Sabtu, 4 Mei. - Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Radims Fisheries sekali lagi mengadakan Mini Karnival Perikanan selama empat hari bermula 2 hingga 5 Mei 2019, bertempat di Kompleks Pendaratan Ikan Muara.

Karnival tersebut mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan daripada para pengunjung yang memberikan sokongan kepada jualan yang dibukakan bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali Jumaat dari 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 hingga 5.00 petang.

Mini Karnival yang pertama kali diadakan bagi tahun 2019 ini melibatkan enam pengusaha tempatan dalam bidang tangkapan ikan komersial, dua pengusaha tempatan industri akuakultur dan 12 pengusaha tempatan dalam bidang industri pemprosesan makanan laut.

Turut memeriahkan Mini Karnival Perikanan kali ini ialah beberapa pengusaha makanan dan minuman bumiputera yang ditempatkan di kawasan garaj berdekatan dengan kawasan utama.

Mini karnival kali ini adalah sempena menyambut awal bulan Ramadan dan memberikan peluang orang ramai untuk mendapatkan makanan laut yang sihat untuk juadah bulan Ramadan.

Di samping itu, memberi peluang kepada para pengusaha industri perikanan bagi memasarkan produk-produk mereka kepada orang ramai dan pengusaha untuk mempamerkan kesegaran ikan-ikan hasil tangkapan tempatan serta menunjukkan kepelbagaian produk makanan laut yang boleh dihasilkan oleh pengusaha tempatan.

Pada masa yang sama, ia juga dapat membantu membuka pasaran baharu bagi pengusaha-pengusaha perikanan dengan perjumpaan pemborong-pemborong untuk memasarkan produk mereka.

Seperti juga penjualan hasil-hasil produk perikanan pada tahun-tahun yang lepas, orang ramai boleh mendapatkan pelbagai jenis ikan segar dijual oleh pengusaha industri tangkapan komersial seperti rumahan laki, ikan tuna, tenggiri, ikan putih, kerusi, bilis, pari, udang, ketam dan lebih 20 jenis ikan segar dan udang dijual dengan harga yang berpatutan.

Sementara itu, pengusaha industri akuakultur menjual ternakan laut yang bermutu tinggi seperti udang rostris, ikan selungsong, ikan putih, ikan pompano dan kerapu harimau.

Manakala, para pengusaha dalam industri pemprosesan makanan laut pula menjual produk-produk dari hasil perikanan seperti belacan, ikan masin, pizza *seafood*, tahai, pusu kering, ikan liking, kerupok, bebola ikan dan udang dan berbagai-bagai jenis makanan laut yang telah diproses.



ORANG ramai ketika berkunjung ke Mini Karnival Perikanan yang menawarkan harga istimewa.

# Kementerian Pendidikan adakan Khatam Al-Quran



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kiri) selaku wakil peribadi Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TUNGKU LINK,** Sabtu, 4 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Unit Rohani, Jabatan Pendidikan Kokurikulum petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kali Ke-35 Tahun di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku wakil peribadi Menteri Pendidikan.

Seramai 300 peserta terdiri daripada 150 peserta lelaki dan 150 peserta perempuan diraikan sempena Majlis Khatam Al-Quran tersebut.

Acara pembacaan Al-Quran peringkat Kementerian Pendidikan tersebut diadakan adalah untuk mendapat keredaan dan kerahmatan Allah Subhanahu Wata'ala dengan niat membaca Al-Quran 30 juzuk dihadiahkan sebagai tanda kesyukuran meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan agar menjadi sebuah negara yang aman, makmur dan maju dengan petunjuk Allah.

Selain itu, ia dapat menambah keimanan dan ketaqwaan kepada warga Kementerian Pendidikan dan seluruh rakyat serta menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara sebagai sebuah negara zikir bagi menuju ke arah *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.*




# ككوكوهن دان كسجهترأن كلوارݢ هارڤن برسام

مسلمين يڠ درحمتي الله،

ماريله كيت برتقوى كحضرة الله سبحانه وتعالى دڠن سبنر-بنر تقوى، ملقسناكن سݢل ڤرينتهن دان منجاوهي سݢل لارڠنڽ يايت دڠن منطاعتي الله سبحانه وتعالى دان رسولڽ. برڤݢڠ تݢوه دڠن أجارن القرءان دان مڠايكوتي سنة رسول الله صلى الله عليه وسلم. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ برجاي، سلامة دان بهاݢيا ددنيا دان دأخيرة.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

أݢام إسلام اداله أݢام يڠ شُمول يايت أݢام يڠ لڠكڤ يڠ مرڠكومي سموا أسڤيك كهيدوڤن ترماسوقله أسڤيك كهيدوڤن برکاسيه سايڠ سسام مأنسي دان مخلوق لاين دموك بومي اين. صفة كاسيه سايڠ اداله فطره سمولا جادي يڠ الله سبحانه وتعالى كرنياكن دالم نالوري ستيڤ إنسان. دان صفة كاسيه سايڠ اين اداله ساله ساتو صفة يڠ أمة ڤنتيڠ دالم ممبينا سبواه كلوارݢ يڠ كوكوه، بهاݢيا دان هرموني. دڠن صفة كاسيه سايڠ جوݢ بوله ملاهيركن سبواه بڠسا، مشاركة دان نݢارا يڠ أمان دامي دان سجهترا.

سسڠݢوهڽ هوبوڠن سبواه كلوارݢ ايت برکنتوڠ كڤد إيكاتن مسرا دان كاسيه سايڠ انتارا إيبوباڤ، أنق٢ دان أهل٢ كلوارݢ يڠ لاين. اوله ايت، ممبينا كاسيه سايڠ سسام أهل كلوارݢ اداله توڠݢق أوتام باݢي منچاڤاي كبهاݢيأن دان كهرمونين هيدوڤ دان اكن تتڤ ترڤليهارا سڤنجڠ ماس. سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِاللهِ رضى الله عنه قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ لاَ يَرْحَمِ النَّاسَ لاَ يَرْحَمْهُ اللهُ عَزَّوَجَلَّ.
{ رواه الإمام مسلم }

مقصودڽ:

**درڤد حابر بن عبدالله رضى الله عنه كاتڽ: برسبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم: بارڠسياڤ تيدق مڽايڠي مأنسي، الله تيدق اكن مڽايڠيڽ.**

حديث ترسبوت جلس مڠأنجوركن أومة إسلام سڤاي هيدوڤ برکاسيه سايڠ دڠن سنتياس مميليهارا هوبوڠن كلوارݢ دان ڤرسوداراءن. ڤرلو دكتهوي، كلوارݢ اداله إنستيتوسي ترڤنتيڠ باݢي سسبواه مشاركة كران دري سينيله لاهيرڽ إينديۏيدو يڠ باكل منجادي تولڠ بلاكڠ كڤد ڤمباڠونن دان كجاياءن سسبواه بڠسا دان نݢارا. سسڠݢوهڽ كلوارݢ يڠ كوكوه دان منتڤ ايت داڤة منجامين كسجهترأن هيدوڤ برمشاركة دان برنݢارا. اوله يڠدمكين، ستيڤ أڠݢوتا كلوارݢ ممڤوڽاءي تڠݢوڠجواب ماسيڠ٢ يڠ مستي دڤيكول دان دتونيكن دمي كجاياءن دان كمنتڤن سسبواه إنستيتوسي كلوارݢ.

دالم سسبواه كلوارݢ، سوامي اداله ڤميمڤين اتو كتوا دالم كلواركڽ. سوامي مميكول أمانه دان تڠݢوڠجواب يڠ ساڠة بسر يڠ تيدق بوله دأبايكن يايت منجاݢ إستري دان أنق٢ سڤاي مريك براوله كبهاݢياءن، كسلامتن دان كجاياءن ددنيا دان دأخيرة. منكل إستري ڤول برتڠݢوڠجواب منجاݢ رومهتڠݢا، ممبنتو سوامي دان بكرجسام دالم منديديق أنق٢ برلندسكن أجارن أݢام إسلام. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

عَنْ عَبْدِاللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا
{ رواه الإمام البخاري }

مقصودڽ:

**درڤد عبدالله بن عمر رَضِيَ اللهُ عَنْهُ بركات اي، اكو تله منڠر رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: سأورڠ للاكي اداله ڤميمڤين دالم أوروسن كلواركڽ دان دي اكن دمينتا برتڠݢوڠجواب دالم كڤيمڤينن. دان سأورڠ إستري اداله ڤميمڤين دالم مڠوروس رومهتڠݢا سواميڽ دان دي اكن دمينتا برتڠݢوڠجواب دالم كڤيمڤينن.**

مسلمين يڠ درحمتي الله،

باݢي منچاڤاي كهرمونين دان كمنتڤن سسبواه إنستيتوسي كلوارݢ، اي هندقله دبنتوق برلندسكن أجارن القرءان دان سنة رسول الله صلى الله عليه وسلم سرت دبينا أتس داسر تقوى كڤد الله سبحانه وتعالى. اوله إيت، إيبوباڤ برتڠݢوڠجواب ممستيكن عقيدة دان أخلاق أهل كلوارݢ تيدق برچڠݢه دڠن أجارن أݢام إسلام. إيبوباڤ هندقله منجادي چونتوه تلادن يڠ بايك كڤد أنق٢ مريك دڠن ممبريكن تربيه، بيمبيڠن دان نصيحة كڤد أنق٢ مريك سجق دري كچيل لاݢي برلندسكن أجارن أݢام إسلام سڤاي عقيدة دان إيمان مريك تروس تݢوه دان منتڤ سرت تيدق اكن دݢوڠݢڠ كوچر اوله سبارڠ عناصر كمنكرن دان كظالمن. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة لقمان أية ١٣:

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ
وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَىَّ لَا تُشْرِكْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾ صَدَقَ ٱللَّهُ ٱلْعَظِيمُ

تفسيرڽ:

**دان (إيڠتله) كتيك لقمان بركات كڤد أنقڽ، سماس دي ممبري ڤڠأجارن كڤداڽ: واهاي أنقكو! جاڠنله أڠكو ممڤرسکوتوكن الله (دڠن سسوات يڠ لاين)، سسڠݢوهڽ ڤربواتن شيريك ايت اداله ساتو كظالمن يڠ بسر.**

كتهويله، كلوارݢ يڠ تيدق دبنتوق برلندسكن أجارن أݢام إسلام بوله سهاج ترده كڤد برباݢي-باݢي مسئله انتاراڽ سڤرت ڤڠهكوناءن داده، ڤڠأنيياءن، ڤرکاولن بيبس، سومبڠ محرام دان ڤلباݢي لاݢي مسئله سوسيال. اوله يڠ دمكين، اداله منجادي تڠݢوڠجواب كيت سموا انتوق تروس براوسها سدايا اوڤاي انتوق ممبنتوق سسبواه كلوارݢ يڠ بهاݢيا دان هرموني دڠن برڤندوكن أجارن٢ أݢام إسلام، انتاراڽ:

**ڤرتام: منانمكن كإيمانن يڠ كوكوه دان نيلاي٢ إسلام دالم كلوارݢ.** اڤبيل كيت سوده مميليكي إيمان يڠ كوكوه دان منانمكن ڤراساءن چينتا كڤد إسلام، مك دڠن سنديريڽ اي اكن مڠحاصيلكن صفة برتڠݢوڠجواب دالم ديري دڠن سريڠ ملاكوكن كبايكن دان سنتياس بروسڤادا سڤاي تيدق ترجروموس دڠن ڤربواتن دوسا دان معصية.

**كدوا: ممهمي تڠݢوڠجواب دان أمانه يڠ دڤيكول.** سباݢي إيبوباڤ اتو ڤنجاݢ، مريك برڤرانن ممبيمبيڠ دان منديديق أنق٢ دڠن نيلاي٢ مورني دڠن منوڠݢوق أجر دان ممبريكن چونتوه تلادن يڠ بايك.

**كتيݢ: نصيحة-منصيحتي دان ممبري سوکوڠن سچارا بيجقسان.** جک كيت داڤتي أنق٢ اتو أهل كلوارݢ كيت ملاكوكن كسالهن، مك نصيحتيله دان بيمبيڠله مريك دڠن ڤنوه بيجقسان دان كصبران. إيلقكنله دري مڠݢوناكن كات٢ كست يڠ بوله منجاتوهكن معاڠة دان مرواه مريك. دڠرله كلوهن دان ڤنداڠن مريك أݢر مريك براس دهرݢاءي دان دسايڠي. بريكنله سوکوڠن دان دوروڠن أݢر مريك داڤة تروس منچاڤاي كجاياءن هيدوڤ ددنيا دان دأخيرة.

**كأمڤت: مموڤوق كاسيه سايڠ يڠ برڤنجڠن.** كيت هندقله منجاݢ دان مڠايرتكن هوبوڠن صلة الرحم دالم كالڠن أڠݢوتا كلوارݢ دڠن ممستيكن سواسان هوبوڠن ككلوارݢاءن سنتياس چريا، مسرا، ساليڠ حرمة-مڠحرمتي دان ساليڠ مڽايڠي سسام أهل كلوارݢ.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

كيني كيت تله برادا دڤڠهوجوڠ بولن شعبان، إين برمعنى تيدق لاما لاݢي كيت اكن مماسوقكي بولن رمضان يڠ أمَة دنتي-نتيكن اوله سلوروه أومة إسلام. سسڠݢوهڽ بولن رمضان اداله بولن يڠ ڤنوه دڠن كبركتن، رحمة دان كأمڤونن درڤد الله سبحانه وتعالى، بولن يڠ دبوكاكن ڤينتو٢ شرݢ، دتوتوڤ ڤينتو٢ نراك دان شيطان٢ دبلاڠݢو. ڤد بولن إينله أومة إسلام دواجبكن انتوق برڤواس.

سسڠݢوهڽ عبادة ڤواس دان عمل عبادة يڠ دلقسناكن دبولن رمضان تله دجنجيكن دڠن ݢنجارن يڠ برليڤت كالي ݢندا اوله الله سبحانه وتعالى. اوله ايت، ربوتله ڤلواڠ ترسبوت دڠن ملقسناكن كواجبن برڤواس دڠن سمڤورنا دان ڤربايقكنله عمل عبادة دبولن رمضان سڤرت ممباچ القرءان، برصدقه، مڠلواركن زكاة، برصلوات، برذكر، براستغفار، منونيكن سمبهيڠ٢ سنة ترأوتماڽ سمبهيڠ سنة تراويح دان سنة وتر، قيام الليل دان سباݢيڽ.

دبولن رمضان إينله جوݢ ماس يڠ تڤت انتوق كيت مموڤوق دان ممبينا كاسيه سايڠ دان كهرمونيان سسبواه كلوارݢ. انتاراڽ دڠن مڠاجق أنق٢ دان أهل كلوارݢ بربوات عمل كبجيقن دان عبادة٢ يڠ لاين سچارا برجماعه سڤرت منديريكن سمبهيڠ فرض، سمبهيڠ سنة، برتدارس القرءان، بربوک ڤواس، برسحور دان سأومڤماڽ. سمواڽ إيت إيلوقله دلاكوكن سچارا برجماعه اتو برامي-رامي يڠ سوده ستنتوڽ داڤة مڠوكوهكن لاݢي هوبوڠن صلة الرحم سسام كلوارݢ دسمڤيڠ منداڤة بركة دان رحمة درڤد الله سبحانه وتعالى.

سام-سامله كيت برعزم انتوق مڠايسي ماس دان رواڠ يڠ اد دبولن رمضان إين نتي دڠن ملاكوكن ڤركارا٢ يڠ بايك دان بركبجيقن باݢي مربوت دان مراءيه ڤهلا يڠ برليڤت ݢندا يڠ دجنجيكن اوله الله سبحانه وتعالى. سموݢ الله سبحانه وتعالى ممڤرتموكن كيت دڠن بولن رمضان يڠ باکل منجلڠ اين. مدهمداهن دڠن تيباڽ رمضان ڤد تاهون اين، كيت اكن داڤة ملقسناكن سݢل عمل عبادة دڠن بايك دان سمڤورنا سرت دتريما اوله الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ
مَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُۥ حَيَوٰةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾
صَدَقَ ٱللَّهُ ٱلْعَظِيمُ
{سورة النحل أية: ٩٧}

تفسيرڽ:

**سسياڤ يڠ مڠرجاكن عمالن يڠ صالح سام اد لاكي٢ اتو ڤرمڤوان سداڠ دي اورڠ يڠ برإيمان مك سسڠݢوهڽ كامي سوده تنتو اكن مڠهيدوڤكنڽ دڠن كهيدوڤن يڠ بايك دان كامي سوده تنتو اكن مڠورنياكن مريك دڠن ݢنجارن يڠ لبه بايك درڤد اڤ يڠ مريك تله كرجاكن.**

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمِ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.

## ...Sekitar Program Masyarakat Bermaklumat...

# Landasan menyampaikan maklumat kepada masyarakat

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mei. - Dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan, Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) kali ini dilaratkan lagi bagi penduduk-penduduk Kampung Tanjong Bunut, Mukim Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Sementara itu, Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir selaku Pengerusi PMB dalam ucapannya menjelaskan, PMB merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Menurutnya, program ini akan diadakan secara berterusan di keempat-empat daerah selaras dengan usaha jabatan ke arah membudayakan masyarakat bermaklumat.

Ke arah itu jelasnya, tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat.

Tambahnya lagi, selain itu juga bertujuan untuk mengukuhkan jati diri dan memberi keyakinan yang tinggi dalam menangani cabaran dan pengaruh kehidupan yang boleh mengganggu keharmonian, kesejahteraan dan kestabilan kehidupan di negara ini.

Beliau menjelaskan, dengan usaha Jabatan Penerangan mengendalikan program selama sehari ini, semoga para peserta akan dapat memperolehi maklumat dan ilmu pengetahuan melalui taklimat yang disampaikan.

"Jabatan Penerangan juga begitu berharap agar pelaksanaan PMB ini akan disambut dengan baik dan dimanfaatkan sepenuhnya dan dijadikan sebagai langkah bagi mewujudkan para peserta bermaklumat dan berilmu agar dapat sama-sama menanai hasrat kerajaan dalam mendukung pelaksanaan Wawasan Brunei 2035, iaitu ke arah menjadi rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya seterusnya memiliki kehidupan yang berkualiti tinggi dan mencapai ke arah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan," ujarnya.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu hadir selaku tetamu kehormat.

Majlis diteruskan dengan Taklimat 'Wawasan Negara Brunei 2035' yang disampaikan oleh Pegawai Ekonomi Kanan, Sekretariat Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Nur Edzalina binti Haji Idris.

Beliau antara lain menerangkan mengenai kepentingan Wawasan Brunei 2035 agar dapat bersedia terutama dalam mengharungi cabaran masa hadapan demi menikmati masa depan yang cerah dan harmoni.

Beberapa inisiatif dan perkembangan terkini ke arah menuju wawasan negara itu termasuk dalam bidang pendidikan, sumber tenaga manusia, sektor kesihatan, infrastruktur dan peningkatan keberkesanan dan produktiviti sektor awam.

Program diikuti dengan taklimat 'Undang-Undang Buruh / Kemasukan Pekerja Asing' yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pesuruhjaya Buruh, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohammad Hazizul bin Hassan.

Antara yang dikongsikan semasa taklimat tersebut bahawa setiap majikan adalah disaran untuk menyediakan kontrak perkhidmatan serta sentiasa mematuhi syarat-syarat Lesen Pengambilan Pekerja Asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Buruh pada setiap masa.

Tambahnya lagi, pihak Jabatan Buruh tidak akan teragak-agak untuk mengurangkan kebenaran (kuota) lesen, membatalkan Lesen Pengambilan Pekerja Asing yang telah diberikan dan pekerja diarahkan pulang ke negara asalnya dengan serta-merta jika terjadinya sebarang pelanggaran seperti kesalahan penempatan pekerja dan penyalahgunaan jawatan yang tidak selaras dengan kebenaran lesen.

# Tinjau Syarikat Hiseaton Fisheries Sdn Bhd





ROMBONGAN bagi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Tanjung Bunut ketika melawat Syarikat Hiseaton Fisheries (B) Sendirian Berhad, Aquaculture Development Center (kiri). Sementara gambar kanan peserta PMB ketika melawat kolam ternakan ikan di Jalan Pantai Meragang.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mei. - Ke arah mengetahui perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti industri perikanan, Syarikat Hiseaton Fisheries (B) Sendirian Berhad, Aquaculture Development Center yang bertempat di Jalan Pantai Meragang menjadi tumpuan lawatan Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Tanjung Bunut.

PMB anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan itu melibatkan lebih 40 peserta.

Para peserta diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Jumat yang juga selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tanjung Bunut.

Taklimat mengenai Syarikat Hiseaton Fisheries Sdn Bhd disampaikan oleh Penolong Pegawai Pentadbirannya, Dayang Siti Nuratika Sri Mu'izzah binti Md Hadi Muslim; Penolong Pengarah Urusan, Michelle Chen Pei Yin dan Penolong Pengurus Besar (Production Department), Dayang Siti Nurafiqah Basyirah binti Hussin.

Dalam taklimat tersebut antara lain menyentuh mengenai latar belakang penubuhan serta pengeluaran yang dihasilkan oleh syarikat berkenaan.

Syarikat Hiseaton Fisheries (B) Sdn Bhd yang telah ditawarkan untuk mengusahakan ternakan ikan pompano dalam sangkar luar pantai di perairan Pulau Pilong-Pilongan seluas 2,000 hektar.

Syarikat tersebut telah mula beroperasi lebih dari 10 tahun dan sasaran adalah untuk mengeluarkan kira-kira 20,000 tan metrik ikan pompano yang bernilai BND105 juta setahun sebelum tahun 2020 nanti.

Adapun tujuan utama PMB adalah bagi menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan agar masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya dalam mencapai Wawasan 2035.

Selain itu, bagi mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

# Hargai pelajar cemerlang



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang juga Penghulu Mukim Telisai Tutong ketika menyampaikan Hadiah Murid Cemerlang Peperiksaan SSSRU Tahun 2018.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**TUTONG**, Sabtu, 4 Mei. - Seramai 23 orang murid cemerlang sekolah-sekolah ugama kawasan Daerah Tutong yang mendapat keputusan Gred 1 Agregat 5 dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Darjah VI 2018 menerima Hadiah Murid Cemerlang dalam satu majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak (PAP) Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Kampung Kupang, Tutong, di sini.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang juga Penghulu Mukim Telisai Tutong.

Majlis diselajurkan dengan penyampaian sijil penghargaan bagi sekolah-sekolah ugama yang mencapai lulus 100 peratus dalam peperiksaan tersebut.

Persembahan daripada murid-murid Sekolah Ugama PAP Fadzilah Lubabul Bolkiah, Kampung Kupang memeriahkan lagi majlis berkenaan.

Majlis inisiatif Jawatankuasa Guru-guru Ugama Daerah Tutong dan merupakan Kali Ke-5 ia diadakan dengan tujuan untuk menyuntik semangat murid-murid dan dorongan bagi generasi akan datang dalam melahirkan pelajar yang cemerlang; juga mengeratkan kerjasama dan perpaduan melalui sumbangan hadiah kepada murid-murid di sekolah ugama dan guru-guru.

Selain itu, majlis juga sebagai menunaikan tanggungjawab semua pihak bagi memastikan usaha guru-guru mahupun murid-murid dihargai; dan menggalakkan supaya guru-guru sentiasa berusaha dalam meningkatkan mutu pengajaran mereka dalam usaha meningkatkan kemajuan murid-murid terutamanya akademik sekolah.

# Meningkatkan kompetensi pekerja




PEMANGKU Pengarah Urusan Brunei Shell Marketing (BSM), Dayang Hajah Rozalina binti Haji CA Mohamed (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke-11 2018 di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Ahad, 5 Mei. - Koperasi Ikatan Teluk Mewah (ITM) Berhad mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke-11 2018 di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada mesyuarat tersebut ialah Pemangku Pengarah Urusan Brunei Shell Marketing (BSM), Dayang Hajah Rozalina binti Haji CA Mohamed.

Dayang Hajah Rozalina dalam ucapannya berkata, pihak BSM mengucapkan tahniah dan syabas kepada syarikat berkenaan di atas pertumbuhan penjualan minyaknya yang berterusan dari tahun ke tahun sejak stesen minyak itu mula beroperasi pada tahun 2015.

"Sehubungan dengan kemajuan dan perkembangan tersebut, insyaAllah Negara Brunei Darussalam juga akan mempunyai satu lagi mercu tanda apabila jambatan yang menghubungi Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong akan siap sepenuhnya tidak lama lagi."

"Berpandukan kedudukan geografi Stesen Minyak Koperasi ITM ini, adalah dijangkakan stesen minyak berkenaan juga akan memperolehi manfaat apabila jambatan itu mula beroperasi nanti di mana jualan minyak akan dijangka meningkat khususnya daripada pengguna yang akan menggunakan jambatan tersebut," katanya.

Menyentuh mengenai keselamatan di stesen minyak katanya, Syarikat BSM menyarankan agar pihak berkenaan akan sentiasa memberi sokongan dan peluang kepada semua pekerjanya untuk meningkatkan kompetensi mereka dalam kerja-kerja di stesen minyak.

Beliau menambah, syarikat BSM akan sentiasa mengadakan kursus dan latihan, khusus bagi semua pekerja di stesen minyak.

Terdahulu, Pengerusi ITM, Awang Haji Hambali bin Awang Tengah dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan mengenai perkembangan Koperasi ITM yang mana pada tahun ini, ia telah mencapai keuntungan sebanyak lapan peratus dan penjualan sebanyak lebih BND8,000,000.

"Stesen Minyak ITM sentiasa mengambil berat tentang kemajuan, pemeliharaan bangunan; mengawasi perjalanan kewangan harian, bulan dan tahunan; memberi derma kebajikan ahli dan penduduk penduduk kampung dari masa ke semasa," katanya.

Pada tahun ini tambahnya, ahli lembaga koperasi berkenaan mencadangkan untuk membuka stesen minyak berkenaan sehingga jam 12.00 tengah malam apabila jambatan Temburong telah siap sepenuhnya, di samping perancangan lain yang akan dilaksanakan bagi menambah keuntungan koperasi tersebut.

Koperasi ITM Berhad didaftarkan pada 10 Ogos 2005 dan pada masa ini, keramaian pemegang saham adalah lebih 500 orang.



ANTARA yang hadir di Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke-11, Koperasi Ikatan Teluk Mewah (ITM) Berhad.

# Buku Tajwid dilancarkan



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri ketika melancarkan Buku Tajwid bagi Kelas Bimbingan Muslimah.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Mei. - Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid buat julung kalinya menerbitkan Buku Tajwid bagi Kelas Bimbingan Muslimah.

Buku Tajwid tersebut akan menjadi panduan yang lengkap dan mudah untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Kelas Bimbingan Muslimah yang dihasratkan agar para Muslimah bukan setakat boleh membaca Al-Quran tetapi juga dapat membacanya dengan bertajwid.

Sehubungan dengan itu, diadakan pelancaran penerbitan buku tersebut yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin dalam ucapannya menjelaskan tujuan penerbitan buku tersebut untuk mengetahui dan mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berkesan, agar pelajaran tersebut menjadi mudah difahami dan diingati oleh tenaga pembimbing dan para Muslimah.

Dengan adanya buku tersebut, dihasratkan pembelajaran tajwid adalah selaras dan dapat meningkatkan lagi kefahaman Muslimah dalam Ilmu Tajwid dan menerapkannya dalam pembacaan Al-Quran mereka.

Ia juga akan menjadi rujukan yang mudah dan lengkap kepada para tenaga pembimbing dan juga Muslimah.

## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
**www.recruitment.gov.bn**

**PERATURAN 38(B)**

**BILANGAN IKLAN 38/2019, 39/2019 & 40/2019(SPA/BIKL)**
Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian/ jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

**TARIKH IKLAN: 06 MEI 2019**
**TARIKH TUTUP: 27 MEI 2019**

**1. POSMEN TINGKAT I**
**D.2-3 EB.4**
BAHAGIAN IV
JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

**2. PENOLONG PENGARAH PERTANIAN**
**B.3**
BAHAGIAN II
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

**3. PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN**
**C.2-3 EB.4**
BAHAGIAN III
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di **www.recruitment.gov.bn**

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting* , hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel **query@spa.gov.bn**

---

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

SEBUT HARGA hendaklah dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Jalan Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam** dan dikembalikan **tidak lewat dari jam 9.00 Pagi, Isnin, 13 Mei 2019** bagi tajuk berikut :

**PEMBEKALAN DIGITAL PHONE DI PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP, TINGKAT 3 BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**(1 / 2019) KPN / 1.09:l PT:21**

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, tidak akan terikat untuk memilih sebarang tawaran yang lebih murah atau yang difikirkan tidak munasabah.

**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**TENDER NO. :**
**RTB / K / 10 / 19 - 20**
**SUPPLY AND DELIVERY OF OUTDOOR PORTABLE AIR CONDITIONER FOR OB**

**Bayaran Tawaran :**
**BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 29 Mei 2019,**
**jam 12.00 Tengah Hari.**

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong-pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Radio Televisyen Brunei**
**Jalan Stoney**
**Bandar Seri Begawan, BB8610**
**Negara Brunei Darussalam.**
**Rujukan :**
**RTB / K / 10 / 19 - 20**
**Tarikh Tutup :**
**29 Mei 2019**

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui faksimile +673 2226773 atau e-mel ke *sebutharga.rtb@rtb.gov.bn* tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

5. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 29 Mei 2019, jam 12.00 Tengah Hari**.

6. Sebut harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).

---

**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**TENDER NO. :**
**RTB / K / 11 / 19 - 20**
**SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF UPS SYSTEM TO OB VANS**

**Bayaran Tawaran :**
**BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 29 Mei 2019,**
**jam 12.00 Tengah Hari.**

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong-pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Radio Televisyen Brunei**
**Jalan Stoney**
**Bandar Seri Begawan, BB8610**
**Negara Brunei Darussalam.**
**Rujukan :**
**RTB / K / 11 / 19 - 20**
**Tarikh Tutup :**
**29 Mei 2019**

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui faksimile +673 2226773 atau e-mel ke *sebutharga.rtb@rtb.gov.bn* tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

5. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 29 Mei 2019, jam 12.00 Tengah Hari**.

6. Sebut harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).

---

**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**TENDER NO. :**
**RTB / K / 18 / 19 - 20**
**SUPPLY & DELIVERY OF PANASONIC DIGITAL MEDIA CARD**

**Bayaran Tawaran :**
**BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 29 Mei 2019,**
**jam 12.00 Tengah Hari.**

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong-pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Radio Televisyen Brunei**
**Jalan Stoney**
**Bandar Seri Begawan, BB8610**
**Negara Brunei Darussalam.**
**Rujukan :**
**RTB / K / 18 / 19 - 20**
**Tarikh Tutup :**
**29 Mei 2019 (12 PM)**

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui faksimile +673 2226773 atau e-mel ke *sebutharga.rtb@rtb.gov.bn* tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

5. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 29 Mei 2019, jam 12.00 Tengah Hari**.

6. Sebut harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).

---

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran :**
**JKP / LTK / 2019 - 2020 / 1**

**Tajuk Tawaran :**
**DIGITAL MARKETING AGENCY**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 14 Mei 2019**

**Syarat-syarat Tawaran :**

1. TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**
**Jalan Menteri Besar**
**Bandar Seri Begawan, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di **Peti Lembaga Tawaran Kecil yang bertempat di Tingkat Bawah, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,** tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam tawaran tersebut.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran bolehlah diperoleh dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 3, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dengan yuran sebanyak BND10.00.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang tawaran asal yang telah disediakan.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

---

**JABATAN PERBENDAHARAAN**
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA**

**Bilangan Sebut Harga :**
**JPKK / JKSH1920 - QTN.01 / ADM**

**Tajuk Sebut Harga :**
**MEMBEKALKAN PELBAGAI ALAT TULIS BAGI JABATAN PERBENDAHARAAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**JPKK / JKSH1920 - QTN.02 / ADM**

**Tajuk Sebut Harga :**
**MEMBEKALKAN PELBAGAI BARANG CETAK BAGI JABATAN PERBENDAHARAAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**JPKK / JKSH1920 - QTN.03 / ADM**

**Tajuk Sebut Harga :**
**MEMBEKALKAN PELBAGAI NILAI KUPON PRABAYAR LETAK KERETA JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT & SERIA BAGI JABATAN PERBENDAHARAAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**JPKK / JKSH1920 - QTN.04 / ADM**

**Tajuk Sebut Harga :**
**MEMBEKALKAN PELBAGAI TONER BAGI JABATAN PERBENDAHARAAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**JPKK / JKSH1920 - QTN.05 / ADM**

**Tajuk Sebut Harga :**
**MEMBEKALKAN PELBAGAI PERALATAN PEJABAT UNTUK KEGUNAAN JABATAN PERBENDAHARAAN**

**Tarikh tutup / jam :**
**18 Mei 2019**
**Sabtu, jam 9.00 Pagi**

**Tempat Menghantar Tawaran :**
**Peti Sebut Harga**
**Jabatan Perbendaharaan**
**Tingkat 2, Tower Block**
**Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi**
**Commonwealth Drive**
**Jalan Kebangsaan**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Syarat-syarat penyertaan :**

1. PEMOHON adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam dan boleh diperoleh di Kaunter Penyambut Tetamu, Tower Block, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, pada jam **8.15 Pagi hingga 1.00 Petang** (waktu bekerja).

3. Borang Pengakuan Penender hendaklah **diisikan dengan lengkap** dengan menyatakan bahawa syarikat yang ikut serta tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran sama dan menyenaraikan nama-nama pekerja tempatan yang bekerja di syarikat yang mengikuti tawaran.

4. Borang tawaran hendaklah **disertakan** salinan sijil pendaftaran, Perniagaan 16 & 17 yang masih sah yang menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau pasport pemilik.

5. Setiap satu borang tawaran yang lengkap diisikan dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang tertutup rapi dan menulis dengan jelas dengan menyatakan **tajuk & bilangan tawaran** dan **tarikh tutup tawaran** tanpa membubuhkan sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

6. Borang tawaran hendaklah **dikembalikan** dan **dimasukkan** ke dalam PETI TAWARAN SEBUT HARGA, JABATAN PERBENDAHARAAN yang ditujukan kepada :

**PENGERUSI**
**JAWATANKUASA SEBUT HARGA**
**JABATAN PERBENDAHARAAN**
**TINGKAT 2**
**TOWER BLOCK BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN**
**COMMONWEALTH DRIVE**
**JALAN KEBANGSAAN, BB3910**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dilayan**.

# IMBASAN MINGGUAN



## Sambut kedatangan Ramadan dengan menderma

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 Mei. - Persembahan bacaan ayat suci Al-Quran pada Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim dan Daif anjuran Kumpulan Insan Seni Brunei Darussalam, berlangsung di Borneo Kopitiam, Kampung Sungai Hanching, di sini. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



## 1,708 mulakan Khatam Al-Quran 73 kali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 April. - Pada tahun ini seramai 1,708 peserta belia dan beliawanis yang berumur 13 tahun hingga 20 tahun memulakan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran pada Majlis Khatam Al-Quran 73 Kali Khatam. - Foto : Masri Osman.



## Menelusuri adat istiadat negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Mei. - Para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Kedua Tahun 2019 semasa sesi Dialog bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, yang diadakan di Bilik Serbaguna, Restoran Tarindak D'Seni. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



## Majlis Sembahyang Berjemaah bersempena Majlis Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Kali Ke-8 Tahun 2019

JERUDONG, Khamis, 2 Mei. - Antara ketua keluarga bersama anak-anak masing-masing hadir pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Kali Ke-8 bagi Tahun 2019 di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



## Keprihatinan raja, rakyat bahagia

TUTONG, Khamis, 2 Mei. - Gambar keluarga penerima anak-anak kunci Rumah Kluster dan Rumah Teres di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang, Daerah Tutong. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



## Raikan pelajar cemerlang 2018

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 April. - Sebahagian daripada yang hadir pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang, Kementerian Pendidikan 2018. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

# Fahami dasar, sistem kewangan negara

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mei. - Seramai 20 orang guru subjek Economics daripada beberapa buah sekolah menengah kerajaan dan seorang Pegawai Pelajaran Kanan, Unit Akademik, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan membuat Lawatan Sambil Belajar ke Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), di Jalan Commonwealth Drive, di sini.

Lawatan diungkayahkan oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan sebagai salah satu aktiviti perkembangan profesional bagi guru yang dirancang oleh pihak Subject Based Committee (SBC) bagi tahun 2019.

Objektif utama lawatan adalah untuk memahami dasar juga sistem kewangan berserta peranan dan tanggungjawab AMBD sebagai bank pusat.

Rombongan dialu-alukan dan disambut oleh Pengurus Komunikasi Korporat AMBD, Dayang Muizzah binti Md. Zakaria.

Lawatan dimulakan dengan penerangan ringkas mengenai latar belakang dan fungsi AMBD, disampaikan oleh Pengurus Komunikasi Korporat AMBD, Dayang Muizzah; seterusnya dasar ekonomi disampaikan oleh Pengurus Kanan AMBD, Awang Jason Lih Cheng Kok; juga Impak dan Keberkesanan dasar kewangan AMBD oleh Pakar Ekonomi Dayang Athirah Ali.

Ini diikuti dengan sesi soal jawab sebelum rombongan dibawa melawat ke AMBD Galeri Mata Wang, diketuai oleh Dayang Muizzah.

Pada sesi akhir lawatan, Setiausaha SBC Economics, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Awang James Lim Boon Ghee menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata yang disediakan oleh Unit Akademik, Jabatan Sekolah-Sekolah kepada Pengurus Komunikasi Korporat AMBD, Dayang Muizzah.

Pegawai Pelajaran Kanan, JSS, Awang Andree Asmara bin Haji Abidin seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada Setiausaha SBC Economics, MSPSBS, Awang James Lim Boon Ghee selaku penganjur lawatan berkenaan.



**SETIAUSAHA SBC Economics, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Awang James Lim Boon Ghee menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada Pengurus Komunikasi Korporat AMBD, Dayang Muizzah binti Md. Zakaria.**

# Isikan Ramadan belajar Al-Quran

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat akan menawarkan Program Suntikan Iman 1440H / 2019M kepada orang ramai pada bulan Ramadan yang akan datang.

Kuliah Ramadhan : Celik Al-Quran (Asas-asas Membaca Al-Quran) ini diadakan selama empat hari, iaitu pada setiap Jumaat dan Ahad, bermula pada Jumaat, 10 Mei 2019, jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi bertempat di Kampus UNISSA.

Adapun tujuan Kuliah Ramadhan : Celik Al-Quran (Asas-asas Membaca Al-Quran) ini diadakan khusus untuk mendedahkan peserta kepada kaedah asas membaca Al-Quran dengan lebih mudah.

Tarikh tutup pendaftaran bagi Kuliah Ramadan ini adalah pada Khamis, 9 Mei 2019, jam 12.00 tengah hari.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA melalui talian +673 2462000 sambungan 204 / 202 ataupun melayari laman sesawang *www.unissa.edu.bn* atau menghantar e-mel ke *C4L@unissa.edu.bn*.




# JPKE tetapkan harga maksima

**Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mei. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengumumkan bahawa lapan kategori barangan keperluan makanan harian akan ditetapkan harga maksima pada bulan Ramadan yang akan datang.

Inisiatif tahunan ini bertujuan untuk mengekalkan harga yang berpatutan bagi barangan makanan terpilih yang sering digunakan bagi penyediaan makanan semasa musim perayaan selama lima minggu bermula 1 Ramadan hingga 7 Syawal 1440 Hijrah.

Barangan yang dimaksudkan adalah ayam bulat; telur ayam; mentega; marjerin; minyak sapi; susu pekat, cair dan krim; tepung dan santan pekat, krim dan serbuk.

Senarai harga maksima bagi barangan makanan berkenaan yang merangkumi jenama-jenama utama boleh didapati di laman sesawang JPKE dan aplikasi mudah alih PenggunaBijak.

Usaha tersebut dilaksanakan dengan kolaborasi bersama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

JPKE mengingatkan bahawa harga yang ditetapkan adalah harga maksima tetapi para peniaga adalah digalakkan untuk menawarkan harga yang kompetitif bagi menarik pelanggan.

Di kesempatan ini juga, para peniaga dinasihatkan untuk tidak menjual melebihi harga maksima yang ditetapkan.

Manakala, para pengguna pula diingatkan untuk berbelanja secara bijak dengan membuat perbandingan harga dan produk atau jenama yang sebanding (*substitute*) di pasaran bagi mendapatkan nilai terbaik dalam membuat pembelian.

Sebarang pertanyaan boleh ditujukan kepada pihak JPKE melalui saluran Hotline Pengguna melalui Talian Darussalam 123; Aplikasi mudah alih: PenggunaBijak/ SmartConsumer; e-mel *aduanpengguna@jpke.gov.bn*; Facebook AduanPenggunaJPKE dan menghubungi talian +673 2230223 (waktu pejabat).




# Kembangkan bakat seni ke luar negara




Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Ihsan Dj Daffy

EDISI Belia Berwawasan kali ini mendekati salah seorang belia yang kini aktif membawa belia-belia tanah air mencipta nama di luar negara. Jika disebut Mohammad Gaddafy bin Haji Shadon, mungkin tidak ramai yang mengenalinya, tapi bagi penggemar radio nama Dj Daffy bukan nama yang asing lagi. Belia berusia 37 tahun merupakan seorang Dj paling ramai pendengar di Kristal Fm.

### Kejayaan

Mula berkecimpung dalam kerjaya sebagai juruhebah radio pada tahun 1999 di Rangkaian Pelangi, Radio Televisyen Brunei sehingga tahun 2004 sebelum meneruskan kerjaya di Kristal Fm hingga sekarang. Setelah hampir 20 tahun menjadi juruhebah radio, belia ini berjaya mengecapi beberapa kejayaan antaranya Anugerah Best Personality Radio (2003), Best Dj Brunei (2008), Top 5 Best Dj Brunei (2009). Pada tahun 2013 pula, Dj Daffy terpilih untuk menjadi suara latar bagi filem animasi 'Despicable Me 2' yang merupakan terbitan HBO Asia dengan kerjasama Astro yang menampilkan bakat-bakat suara dari Malaysia, Singapura dan Brunei.

Bakat yang dimiliki oleh belia penuh dedikasi ini terus diperkembangluaskan lagi apabila dilantik menjadi juri dan juga komentator di salah sebuah program TV terkemuka di Republik Indonesia dari musim pertama hingga musim ke-4 program realiti TV itu bersiaran.

### Pemilik Syarikat

Mungkin ramai yang belum mengetahui, selain memiliki bakat sebagai seorang *presenter*, beliau juga memiliki sebuah syarikat, iaitu Octove Company. Pada awal penubuhannya, Octove Company hanya terlibat dalam beberapa acara perasmian Mobile World, pembukaan DST Karnival, pembukaan rasmi Brahims dan sebagainya. Syarikat itu terus melebarkan sayap mencari bakat-bakat seni tempatan dan menaikkan nama-nama mereka ke luar negara, di mana lagu-lagu *single* mereka dipromosikan ke negara-negara jiran iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Salah satu kejayaan syarikat ini ialah terjalinnya kerjasama dengan salah satu stesen TV Republik Indonesia, iaitu Indosiar yang mana Octove Company kini menjadi *talent management* Indosiar bagi mencari bakat-bakat seni tempatan dalam pelbagai bidang untuk menyertai beberapa program yang dikendalikan oleh stesen TV tersebut seperti Akademi Dangdut Asia, Akademi Sahur Indosiar, Puteri Muslimah Asia, Grandmaster (actv) dan akan datang Stand-Up Comedy Asia. Penglibatan Dj Daffy itu secara tidak langsung mempromosikan Negara Brunei Darussalam ke mata dunia antarabangsa melalui industri.

### Cabaran

Meskipun Dj Daffy merupakan Master of Ceremony (MC) paling diiktiraf di negara ini, belia ini tetap berdepan dengan cabaran dalam kerjayanya di mana Dj Daffy terpaksa berdepan dengan beberapa golongan yang tidak menggemari dirinya. Namun belia ini tetap dengan prinsipnya kerana baginya, radio bukan untuk dirinya tapi untuk pendengar dan dia bertanggungjawab untuk menghibur para pendengar. Selain menghibur, dia juga berdepan dengan cabaran dalam menyampaikan maklumat yang sahih di mana para penyampai radio mesti mempunyai kreativiti tersendiri dari segi penyampaian hingga menjadikan para pendengar berminat untuk mendengarkan apa jua maklumat yang disampaikan.

Manakala cabaran untuk syarikat miliknya pula adalah dari segi *funding* memandangkan syarikatnya merupakan sebuah syarikat *zero-budget*, namun Dj Daffy tidak pernah patah semangat dan terus mencuba yang terbaik untuk membantu artis-artis tempatan mencipta nama di luar negara.

### Wawasan Dan Saranan

Melihat industri hiburan di negara ini terus berkembang merupakan wawasan yang dipegang oleh belia ini. Baginya, industri ini juga akan dapat membantu mempromosikan nama negara di peringkat antarabangsa dan melalui industri ini juga akan dapat membantu mempromosikan sektor pelancongan negara. Kepada golongan belia di negara ini, Dj Daffy menyarankan agar mereka melakukan sesuatu mengikut minat masing-masing dan membuat pekerjaan yang bersesuaian dan diminati supaya dapat bertahan dan bidang yang diceburi.






# BASMIDA bantu wujud masyarakat sihat tanpa dadah

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan
dan Ihsan BASMIDA

DI Negara Brunei Darusalam mungkin kita boleh menarik nafas lega kerana gejala dadah tidaklah seburuk seperti negara-negara yang sudah pesat membangun namun kita juga sentiasa berwaspada terhadap gejala yang amat menakutkan dan memusnahkan kemakmuran negara. Ketagihan dadah merupakan masalah nombor satu di dunia, menghapuskan ancaman dadah penting dalam usaha memerangi jenayah kerana daripada penagih dadah juga membolehkan dan membawa mereka terlibat dengan jenayah. Kunci untuk memerangi dadah terletak pada pencegahan, maka di negara kita juga telah dibentuk sebuah persatuan yang dinamakan BASMIDA atau Persatuan Basmi Dadah yang berperanan dalam mengambil berat akan isu dadah di negara ini.

**Tujuan Dan Matlamat Ditubuhkan**

BASMIDA yang merupakan salah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bergiat aktif dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dan ia ditubuhkan pada 5 Mac 1987. Akan kekal sebagai satu NGO yang tidak mempunyai tujuan-tujuan politik, ia bertujuan untuk membantu sedaya upaya segala dasar-dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha memerangi masalah dadah, menghidu bahan-bahan yang disalahgunakan. Selain menjadi satu saluran untuk memberi pendidikan pencegahan kepada masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah.

Sebagai salah satu NGO, BASMIDA turut mewujudkan satu perhubungan di merata negara, semata-mata untuk mendidik orang ramai umumnya serta berfungsi sebagai sumber bagi mendapatkan penerangan serta pengetahuan perihal bahayanya penyalahgunaan dan pengambilan dadah supaya mereka akan dapat membantu kerajaan dalam memerangi ancaman dadah.

BASMIDA juga turut bekerja rapat dengan kerajaan, NGO dalam dan luar negara, terutamanya dengan negara ASEAN untuk mengumpul dan bertukar-tukar maklumat, pengalaman dan kemahiran dalam membasmi najis dadah.

Objektif utama BASMIDA untuk menjalankan pendidikan pencegahan dadah dalam kalangan belia, pelajar sekolah selain mengadakan kempen-kempen tahunan. BASMIDA juga aktif memberikan bimbingan kepada bekas-bekas penagih dadah yang telah bebas dari Pusat Pemulihan Al-Islah yang juga dikenali sebagai Rakan BASMIDA. Persatuan sukarelawan ini bukan hanya sekadar berperanan dalam memeduli Rakan BASMIDA tetapi juga turut memberikan khidmat kaunseling, ceramah motivasi dan muhasabah diri bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan dengan memberikan kursus-kursus bersesuaian bagi mengendalikan perusahaan sendiri secara berdikari.

**Pencapaian**

Sejak BASMIDA ditubuhkan, BASMIDA juga turut menerima penganugerahan seperti ASEAN Peoples' Award (APA) semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Kuala Lumpur Convention Centre pada November 2015 dan juga Anugerah Persatuan Belia pada 1 Ogos 2007 di negara sendiri. Penganugerahan tersebut merupakan hasil daripada kerja keras serta komitmen Ahli-ahli BASMIDA melalui kempen pencegahan penyalahgunaan dadah dan khidmat serta bimbingan kepada bekas-bekas penagih dadah dan semua ini dilakukan adalah semata-mata ke arah melahirkan masyarakat bebas dadah, sihat mental dan fizikal serta mampu hidup dalam kepompong keluarga yang bersih daripada dadah, harmoni serta membawa kepada pembentukan Komuniti ASEAN yang bersatu padu, makmur serta penyayang kepada masyarakat dan negara.

**Menyertai Keahlian**

Memandangkan kunci untuk memerangi dadah terletak pada pencegahan, BASMIDA sentiasa memainkan peranannya serta mengatur pelbagai strategi hingga ke peringkat kebangsaan dalam melibatkan masyarakat serta ke sektor-sektor kerajaan, swasta termasuk sekolah dan institusi pendidikan untuk membantu membasmi ancaman dadah. BASMIDA juga turut menyertai International Federation of Non-Government Organization (IFNGO) ASEAN Workshops dan IFNGO World Conferences yang mana setiap tahun BASMIDA menghadiri dan membentangkan kertas kerja di IFNGO ASEAN Workshops di negara ASEAN yang dikendalikan mengikut giliran negara yang menjadi tuan rumah. BASMIDA telah menjadi tuan rumah pada tahun 1995, 2001 dan 2007 yang mana setiap dua tahun sekali BASMIDA akan menghadiri setiap dua tahun sekali dalam membentangkan kertas kerja di IFNGO World Conference yang dikendalikan mengikut giliran negara yang menjadi tuan rumah. BASMIDA telah menjadi tuan rumah kepada IFNGO World Conference pada tahun 2009.

**Kegiatan-Kegiatan Yang Dikendalikan**

Keprihatinan BASMIDA dalam memeduli masyarakat bahayanya dadah, turut mengendalikan beberapa kegiatannya seperti mengendalikan Seminar dan Forum Anti-Dadah serta memberikan ceramah melalui Program Pendampingan Masyarakat di perkampungan pedalaman.

Selain mengendalikan sukan ria dan sukan Capoeira sebagai salah satu cara sihat untuk mengelakkan daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Bahkan, BASMIDA juga turut menganjurkan kursus-kursus berbentuk keagamaan dan kemahiran bagi ahli-ahli dan Rakan BASMIDA. Membuat lawatan sambil belajar ke NGO yang mengendalikan Pusat-Pusat Rawatan dan Pemulihan Penagih-Penagih Dadah di luar negara. Ikut serta pada majlis atau acara kebangsaan yang melibatkan belia-belia selain menyebarkan maklumat tentang bahaya dadah.

Selain itu, BASMIDA juga turut menyokong kegiatan-kegiatan yang dikendalikan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan peranan yang dimainkan bersama BASMIDA dan BKN tidak boleh dipandang remeh ke arah sama-sama menangani isu-isu bersangkut paut dengan dadah.

Sepanjang penubuhannya, BASMIDA telah berjaya menunjukkan komitmennya untuk membantu kerajaan menangani masalah yang berkaitan dengan dadah begitu juga halnya dengan BKN, namun intinya, kita tidak seharusnya hanya meletakkan tanggungjawab membasmi dan menghalang berleluasanya pengaruh dadah kepada masyarakat ke bahu BASMIDA dan BKN semata-mata, namun kerjasama daripada pelbagai pihak dan masyarakat diperlukan agar anak-anak, keluarga, rakan-rakan serta dunia bebas daripada ancaman dadah yang membahayakan dan menggelapkan masa depan mereka dan negara.



MAJLIS keagamaan yang diadakan oleh BASMIDA.

# Terapkan kesedaran sikap menjaga kebersihan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mei. - Dalam menerapkan kesedaran dan menanamkan sikap menjaga kebersihan sekitar, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB) telah mengadakan Program Kebersihan yang diadakan di Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun dan Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Kebun.

Program kebersihan tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti amal tahunan jabatan berkenaan menjelangnya bulan suci Ramadan.

Program yang melibatkan 100 orang terdiri daripada warga Jabatan Bandaran BSB diketuai oleh Timbalan Pengerusi Lembaga Bandaran BSB, Dayang Hajah Norliza binti Haji Awang Abdul Halim dan disertai oleh AJK Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun dan ahli MPK Sungai Kebun.



WARGA Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan melakukan kempen kebersihan di pekarangan Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun (atas) Manakala gambar bawah, antara yang terlibat dalam Program Kebersihan tersebut.



## Tidak dibenarkan bekerja melebihi 12 jam sehari

Siaran Akhbar : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 Mei. - Hak-hak pekerja di sektor swasta adalah terjaga di bawah Undang-Undang Perintah Pekerjaan 2009. Antara yang terkandung dalam Perintah Pekerjaan 2009 adalah seperti jam bekerja, kerja lebih masa dan waktu rehat menurut Bab 65.

Jabatan Buruh sukacita memaklumkan bahawa waktu bekerja mengikut Perintah Pekerjaan 2009 adalah seperti berikut : Jam bekerja di bawah Perintah Pekerjaan bermaksud tempoh di mana pekerja hendaklah menjalankan kewajipan yang diberikan kepadanya oleh majikannya. Tetapi tidak termasuk masa yang dibenarkan untuk rehat, minum petang dan makan.

Jam pekerja dijangka untuk bekerja dalam satu hari / seminggu adalah seperti berikut : Bagi pekerja yang bukan syif, jam bekerja hendaklah tidak boleh melebihi 8 jam sehari atau lebih daripada 44 jam seminggu.

Bagi pekerja syif, jam bekerja tidak boleh melebihi purata 44 jam seminggu atas mana-mana tempoh yang berterusan selama 3 minggu tertakluk kepada maksima 12 jam sehari. Semua kerja yang melebihi masa seperti yang dinyatakan di atas adalah dianggap sebagai kerja lebih masa.

Sehubungan itu, kebenaran bagi jam bekerja dalam bulan Ramadan bagi sektor swasta yang kurang daripada apa yang telah ditetapkan dalam Perintah Pekerjaan 2009 adalah tertakluk kepada budi bicara dan pertimbangan majikan.

Mana-mana kerja yang lebih daripada jam bekerja yang telah ditetapkan iaitu selama 8 jam sehari ataupun 44 jam seminggu adalah dianggap sebagai kerja lebih masa (*overtime*).

Mengenai jam maksima kerja lebih masa bagi pekerja yang dijangka untuk bekerja dalam sehari pada lazimnya, Jabatan Buruh menegaskan pekerja adalah tidak dibenarkan untuk bekerja lebih dari 12 jam sehari (termasuk kerja lebih masa).

Kerja lebih masa hendaklah dibayar jika pekerja dikehendaki bekerja di luar jam bekerja yang telah dipersyaratkan di dalam kontraknya.

Pembayaran untuk kerja lebih masa mestilah dibayar dalam masa 14 hari selepas hari terakhir tempoh gaji. Kadar bayarannya adalah 1.5 kali kadar gaji asas gaji sejam. Had bekerja lebih masa yang dibenarkan dalam sebulan adalah sebanyak 72 jam. Walaubagaimanapun, had ini boleh melebihi jika diberikan kebenaran oleh Pesuruhjaya Buruh.

Menurut Bab 65 (4), mana-mana majikan yang gagal untuk membayar kerja lebih masa, jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari BND3,000, dihukum penjara bagi tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi sebarang pertanyaan dan aduan pertikaian pekerjaan di sektor swasta atau mana-mana kesalahan yang berhubung kait dengan Undang-Undang dan Peraturan Perburuhan, orang ramai adalah dinasihatkan untuk membuat aduan secara rasmi ke Bahagian Penguatkuasaan Undang Undang, Jabatan Buruh, Jalan Dewan Majlis.

Orang ramai juga boleh menghubungi talian Hotline Jabatan Buruh iaitu +673 2381848 (pada waktu bekerja) atau menghubungi Whatsapp melalui talian +673 7298989 (selepas waktu bekerja).

Sebarang penerangan lanjut boleh didapat di laman sesawang Jabatan Buruh *www.labour.gov.bn*.




## Sembilan graduan Program BIBDSEED diraikan

Siaran Akhbar : Bank Islam Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Mei. - Bank Islam Negara Brunei Darussalam (BIBD) meraikan sembilan usahawan baharu yang berjaya menamatkan Program BIBDSEED (Special Underprivileged Mothers Empowerment Entrepreneurship Development) bank tersebut.

Ahli perniagaan wanita yang membentuk kumpulan pertama Program BIBDSEED, bersedia untuk menjadi pelanggan BIBD SME360 selepas Majlis Menandatangani Perjanjian bersama bank tersebut dalam satu majlis yang diadakan di ibu negara bagi meraikan graduan, seterusnya melancarkan kohort kedua Program BIBDSEED.

Sebaik sahaja menjadi Pelanggan BIBD SME360, semua PMKS (graduan BIBDSEED) akan dibimbing dan dipandu oleh Pengurus Perhubungan mereka.

Mereka juga akan mempunyai akses kepada pembiayaan yang disediakan oleh BIBD SME360 untuk membantu pengembangan perniagaan mereka.

Melalui program berkenaan, seorang ibu tunggal mula mengendalikan kedai hadiah premium dan barangannya, Galeri Samalindang, yang baru dilancarkan BIBD Connects di Taman Mahkota Jubli Emas (TMJE), di sini.

Tiga graduan lain pula akan memulakan perniagaan mereka daripada kiosk makanan, manakala lima graduan lagi juga akan mengusahakan perniagaan masing-masing.

Program BIBDSEED baru-baru ini memenangi Anugerah 3G Women Empowerment Programme semasa 4th Global Good Governance Awards.

# Sukan

## INFO SUKAN

SEKOLAH Sukan muncul johan keseluruhan Kejohanan Pencak Silat Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2019, di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Jasmani dan Unit Perkembangan dan Latihan Sukan dengan kerjasama Persekutuan Pencak Silat Negara Brunei Darussalam.

ePaper Pelita Brunei

# Hubungan kekeluargaan diutamakan



SUASANA di Bandarku Ceria.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mei. - Program Bandarku Ceria terus mendapat sokongan padu dari pelbagai pihak terutama orang ramai yang ingin mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti riadah hujung minggu lebih-lebih lagi bersama keluarga.

Sehubungan itu, Pelita Brunei membuat tinjauan ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan kawasan sekitarnya pada hari terakhir program tersebut diadakan sebelum bulan Ramadan tiba.

Dalam temu bual bersama Dayang Noriyani binti Haji Mohammad dari Kampung Rimba menjelaskan Program Bandarku Ceria memberi mereka peluang untuk melakukan aktiviti-aktiviti riadah yang terdapat di program tersebut.

Jelasnya, memandangkan hari ini juga merupakan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan, beliau dan keluarga juga mengambil peluang untuk meluangkan masa bersama-sama selain untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan di antara ibu bapa dan anak-anak.

Tambahnya lagi, untuk membentuk sebuah keluarga yang harmoni adalah dengan meluangkan masa bersama anak-anak dan salah satu daripadanya ialah dengan membawa mereka ke program seperti Bandarku Ceria ini.

Program yang meliputi semua peringkat umur tersebut merupakan peluang bagi kita menunjukkan budaya rakyat Negara Brunei Darussalam yang mengutamakan hubungan kekeluargaan dan gaya hidup yang seimbang.

Program Bandarku Ceria merupakan hari tanpa kereta yang diadakan setiap hari Ahad di mana beberapa jalan raya ditutup bagi lalu lintas dan dikawal rapi oleh pihak Pasukan Polis Diraja Brunei bermula dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 pagi.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'RAMADAN, PELUANG PUPUK KASIH SAYANG BEKELUARGA'

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجأن، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam